

17 OCT 2002

Mahathir-Asia/I

ASIA PERLU BANGUNKAN MASYARAKAT AMAN YANG KUKUH

Oleh: Zulkefli Salleh

NEW DELHI, 17 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Asia perlu merancang masa depan dengan mempunyai masyarakat yang bercirikan persahabatan dan keamanan yang kukuh dan berpanjangan serta memastikan pembangunan ekonomi pesat dan berkekalan.

Perdana Menteri berkata beliau percaya Asia perlu memberi tumpuan yang agresif dan tidak henti-henti ke atas dua objektif utama itu bagi memastikan "pecutan keamanan dan kemakmuran" yang telah dimulakan akan memacu rantau itu ke tahap kejayaan yang lebih hebat malah mampu mengembalikannya sebagai pusat tamaddun.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan tiga hari ke India berkata demikian dalam ucap-tama bertajuk "Asia 2020: Cabaran dan Prospek" di Sidang Kemuncak Perniagaan Asean-India di sini.

Perdana Menteri India Shri Atal Bihari Vajpayee berucap pada majlis perasmian sidang anjuran Persekutuan Dewan Perdagangan dan Industri India (FICCI) yang diadakan di Federation House di sini.

Dr Mahathir berkata Asia yang pernah dianggap sebagai "kumpulan masyarakat yang tidak mempunyai masa depan", telah mula mempamerkan kepada dunia kemampuannya.

"Kita telah bangkit. Kita mungkin sedang dalam peringkat permulaan pecutan keamanan dan kemakmuran yang boleh mengembalikan kedudukan kita iaitu sebagai pusat tamaddun. Kita kini memiliki peluang bersejarah untuk menghapuskan zaman kegelapan dan menggantikannya dengan era kebanggaan," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam masa yang sama jangan ada yang beranggapan Asia tidak mungkin menghadapi masa depan yang paling gelap, dan keperluan mewujudkan keamanan sebenar tidak seharusnya diabaikan sama sekali.

Beliau berkata keamanan yang kukuh dan berpanjangan boleh dicapai sama ada dengan memilih hegemoni atau bersandarkan kepada keseimbangan kekuatan ketenteraan manakala pilihan yang ketiga adalah dengan membina persahabatan serantau yang berdasarkan kepercayaan antara satu sama lain.

Dr Mahathir berkata hegemoni dan imperialisma seperti juga "doktrin hak mutlak raja-raja" tidak lagi produktif dan sesuai dengan dunia hari ini.

Beliau berkata ia hanya akan menyemai rasa kebencian dan geram yang membawa kepada keganasan.

Dr Mahathir turut menegaskan adalah penting bagi Asia supaya India turut bersama dalam pecutan kemakmuran serantau.

Mengenai pendirian Amerika Syarikat untuk menggunakan kekerasan terhadap Iraq, Dr Mahathir berkata sebarang serangan terhadap Iraq tidak akan membawa sebarang faedah.

"Ia semata-mata akan meningkatkan persengketaan antara umat Islam dan rakyat Eropah dan Amerika. Oleh itu, ia tidak akan memberi sumbangan kepada usaha memerangi keganasan," kata beliau.

Presiden Amerika George W. Bush semalam menandatangani satu resolusi untuk dijadikan undang-undang yang memperuntukkan penggunaan tentera dalam cubaannya untuk menyingkirkan Presiden Iraq Saddam Hussein.

Dalam satu Referendum Presiden yang baru berakhir, penduduk Iraq telah memberikan mandat kepada Presiden Saddam, yang dituduh Washington mengeluarkan senjata secara besar-besaran, untuk terus memimpin negara Teluk itu selama tujuh tahun lagi.

-- BERNAMA

AZZ HK NAK

